

Bahagian 2

Latihan 1 Soalan 16–20

Baca e-mel Atan kepada kawannya Adam.

Adam,

Saya tidak boleh pergi ke rumah awak pada hujung minggu ini. Saya minta maaf. Saya tidak tahu datuk saya akan datang ke rumah saya. Dia akan datang selama dua hari sebelum dia terbang ke London. Saya tahu awak sudah membuat beberapa rancangan untuk kita. Kalau awak belum beli tiket untuk ke konsert pada hari Sabtu ini, jangan beli lagi. Kalau awak sudah beli, saya akan bayar untuk tiket itu. Saya rasa kita boleh berjumpa pada hari Jumaat minggu akan datang. Awak boleh datang ke rumah saya dan kita boleh pergi berenang di pantai. Kita juga boleh bermain layang-layang kalau cuaca pada hari itu baik.

Sekali lagi, saya minta maaf.

Atan

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan perkataan Melayu yang sesuai di bawah.

rancangan	maaf	terbang	konsert
bayar	berenang	datuk	filem
	cuaca	pantai	

- 16 Atan meminta kerana dia tidak dapat berjumpa Adam. [1]
- 17 Atan akan datang ke rumahnya pada hujung minggu. [1]
- 18 Dia akan berada di rumah Atan sebelum ke London. [1]
- 19 Adam mungkin sudah beli tiket untuk [1]
- 20 Kalau baik, Atan ajak Adam untuk bermain layang-layang. [1]

[Total: 5]

Latihan 2 Soalan 21–28

Baca rencana di dalam blog ini dan jawab soalan-soalan dalam **Bahasa Melayu**.

Tidak lama lagi saya akan meninggalkan bandar ini. Saya telah tinggal di bandar ini sejak lima belas tahun yang lalu dan saya mempunyai ramai kawan dari pelbagai bangsa. Kami membesar bersama, pergi ke sekolah yang sama dan mempunyai minat yang sama.

Bapa saya memberitahu bahawa saya akan dihantar belajar di luar negara. Saya sedih kerana saya terpaksa meninggalkan kawan-kawan saya. Pada masa yang sama, saya berasa gembira dapat belajar dalam suasana yang baharu. Ibu bapa saya mahu saya menyambung pelajaran di Australia. Ibu saudara saya tinggal di sana dan saya akan tinggal dengan dia sementara saya mencari asrama. Saya tahu dia akan menjaga saya dengan baik.

Saya juga berasa takut sebab saya akan terpaksa membuat segalanya sendiri dan tidak lagi boleh bergantung kepada ibu bapa saya. Saya rasa pengalaman ini akan membuat saya lebih dewasa.

Kita tidak akan belajar membuat apa-apa sendiri kalau sepanjang hidup kita, segalanya dibuat untuk kita. Saya tahu semua ini bukanlah mudah.

Saya berjanji akan terus menghubungi kawan-kawan saya. Saya akan menulis setiap perkembangan saya dalam blog ini dengan memuatkan gambar-gambar yang menarik! Jumpa lagi.

- 21 Sejak bilakah penulis tinggal di bandar itu?
.....[1]
- 22 Mengapakah penulis akan meninggalkan bandar itu?
.....[1]
- 23 Mengapakah penulis berasa sedih bercampur gembira? Beri **dua** jawapan.
- (i)[1]
- (ii)[1]
- 24 Di manakah ibu bapa penulis mahu dia bersekolah?
.....[1]
- 25 Penulis akan tinggal dengan siapa sementara mencari asrama?
.....[1]
- 26 (a) Apa perasaan penulis mengenai pengalaman tinggal jauh dari ibu bapanya?
.....[1]
- (b) Mengapa?
.....[1]
- 27 Apakah janji penulis kepada kawan-kawannya?
.....[1]
- 28 Bagaimanakah penulis akan membuat blognya lebih menarik?
.....[1]

[Total: 10]

Bahagian 3**Latihan 1 Soalan 29–33**

Baca teks di bawah dengan teliti.

Kita tidak semestinya mengembara jauh untuk mendapat pengalaman yang menarik. Pengalaman Rose semasa bercuti di rumah neneknya di Sabah merupakan satu pengalaman yang sungguh tidak disangka. Ini merupakan pengalaman yang dia akan ingat selama-lamanya.

Rose memilih untuk bercuti bersama neneknya di kampungnya sebab dia ingin menikmati kehidupan jauh dari bandar. Biasanya, Rose bercuti di luar negara bersama ibu bapanya. Pada percutian kali ini, setiap hari yang Rose berada bersama neneknya, dia mempelajari sesuatu yang baharu. Nenek Rose menceritakan kepada Rose mengenai Pesta Kaamatan kaum Kadazan Dusun selepas selesai menuai padi. Rose juga dapat menyertai pesta ini dan belajar tarian kaum petani dan memakai pakaian tradisional mereka yang cantik.

Semasa membesar di Kuala Lumpur, Rose tidak tahu banyak tentang kebudayaan kaum Kadazan Dusun, walaupun ibunya adalah dari kaum itu. Dia hanya dapat melihat gambar dan video dan membaca mengenai perayaan ini. Semasa nenek Rose melawat mereka di Kuala Lumpur, dia tidak pula teringat untuk menceritakan tentang kehidupannya di kampung.

Jiran nenek Rose membuat kraftangan untuk dijual di pasar. Rose selalu melawat jiran ini untuk melihat bagaimana dia membuat bakul-bakul kecil dengan bentuk yang sungguh menarik. Kemudian Rose ikut jiran ini untuk menjual bakul-bakul ini kepada pelancong-pelancong, terutama sekali dari negara barat, yang suka kraftangan seperti ini. Rose mempelajari cara untuk berjual beli, cara tawar-menawar dan cara bergaul dengan pelancong-pelancong itu.

Setiap hari Rose menulis jurnal di dalam bukunya mengenai setiap pengalaman semasa dia bersama neneknya di kampung. Dia juga telah mengambil gambar pesta menuai dan tarian-tarian. Gambar-gambar ini akan dimuatkan di dalam blognya apabila dia pulang selepas bercuti. Rose pasti rencana mengenai pengalamannya ini akan menarik lebih ramai pembaca ke blognya.

Jawab soalan-soalan berikut dengan menandakan **BETUL** atau **SALAH**. Jika kenyataan itu SALAH, betulkannya berdasarkan teks di atas.

(Terdapat 2 kenyataan yang betul dan 3 kenyataan yang salah)

Contoh:

BETUL

SALAH

Kita perlu pergi ke luar negara untuk mendapat pengalaman yang menarik.

☐
☒

Kita tidak semestinya mengembara jauh untuk mendapat pengalaman yang menarik.

BETUL

SALAH

- 29 Rose sudah tahu apa pengalaman yang akan didapatinya semasa bercuti di rumah neneknya.

☐
☐

BETUL

SALAH

- 30 Rose ingin bercuti di tempat yang jauh dari bandar.

☐
☐

BETUL

SALAH

- 31 Pesta Kaamatan ialah pesta sebelum petani menuai padi.

☐
☐

BETUL

SALAH

- 32 Maklumat mengenai budaya kaum Kadazan Dusun terdapat dalam video dan tulisan.

☐
☐

BETUL

SALAH

- 33 Bakul-bakul ini dijual kepada orang tempatan.

☐
☐

[Total: 8]

[Turn over]

Latihan 2 Soalan 34–38

Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Tuan/Puan,

Nama saya Joana Johan dan saya berumur 16 tahun. Bulan depan saya akan bercuti panjang dan saya ingin memohon pekerjaan yang diiklankan di dalam surat khabar tempatan baru-baru ini.

Saya tahu pejabat Tuan/Puan memerlukan pembantu pejabat. Saya rasa, saya boleh membuat pekerjaan ini. Walaupun saya tidak mempunyai pengalaman bekerja di pejabat, saya tahu saya boleh belajar dengan cepat. Saya pasti dapat melakukan pekerjaan seperti menghantar e-mel, menyediakan bungkusan untuk dipos, menyambut tetamu dan lain-lain. Saya sanggup belajar untuk mendapat pengalaman.

Di sekolah, saya merupakan setiausaha Persatuan Bahasa Melayu, dan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan bahan-bahan untuk mesyuarat, merancang program untuk acara tahunan kami dan berjumpa dengan orang ramai untuk meminta tajaan untuk acara-acara persatuan kami.

Saya boleh bekerja sepanjang bulan Ogos pada setiap hari minggu. Saya tidak ada rancangan lain untuk mengisi masa cuti saya sebab saya sudah membuat keputusan untuk mencari pekerjaan. Saya tinggal tidak jauh dari pejabat Tuan/Puan dan boleh berbasikal ke sana. Jadi, saya tidak ada masalah pengangkutan. Masa saya bekerja juga agak longgar.

Saya sedang belajar pelbagai mata pelajaran seperti Sejarah, Geografi, Sains, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Saya tahu pengalaman bekerja akan menambahkan lagi pengetahuan saya di luar bilik darjah.

Saya ingin mendapat pengalaman bekerja ini sebab pengalaman ini akan membantu menolong saya membina kepercayaan diri saya di samping memberi saya wang berbelanja. Saya mempunyai sifat yang sentiasa ingin menolong, mesra dan rajin. Saya memang senang bergaul dengan sesiapa sahaja. Saya yakin dengan sifat-sifat ini saya sesuai untuk bekerja di pejabat Tuan/Puan yang banyak mengendalikan urusan dengan syarikat-syarikat ternama di negara ini.

Saya harap Tuan/Puan dapat mempertimbangkan permohonan saya. Saya menunggu jawapan Tuan/Puan. Terima kasih.

Joana Johan
+6012 659 273

- 34 Dari manakah Joana mengetahui tentang pekerjaan pembantu pejabat ini?
.....[1]
- 35 Mengapakah Joana rasa dia boleh membuat pekerjaan ini walaupun tanpa pengalaman?
.....[1]
- 36 Apakah antara tugas Joana dalam Persatuan Bahasa Melayu di sekolahnya? Beri **dua** contoh.
(i)[1]
(ii)[1]
- 37 Mengapakah Joana tidak mempunyai rancangan lain semasa cutinya?
.....[1]
- 38 Apakah yang Joana harap untuk dapat dari pengalaman bekerja ini?
(i)[1]
(ii)[1]

[Total: 7]